Faculty of Applied and Creative Arts

# PEMBANGUNAN INDUSTRI MUZIK IBAN DARIPADA TAHUN 2008 HINGGA 2015

**Winston Anak Damy**

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian**

**(Pengurusan Seni)**

**2016**

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: ______________

Please tick (√)

Final Year Project Report [√]

Masters [ ]

PhD [ ]

**DECLARATION OF ORIGINAL WORK**

This declaration is made on the ...9... day of ...Jun... 2016.

**Student's Declaration:**

I WINSTON ANAK DAMY, 44630, FACULTY OF APPLIED & CREATIVE ARTS hereby declare that the work entitle **PEMBANGUNAN INDUSTRI MUZIK IBAN DARIPADA TAHUN 2008 HINGGA 2015** is my original work. I have not copied from any other student's work or from any other source except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text nor has any part been written for me by another person.

9/Jun/2016

Date submitted

WINSTON ANAK DAMY

44630

**Supervisor's Declaration:**

I EN. ALEXANDER ANAK CHELUM hereby certifies that the work entitled **PEMBANGUNAN INDUSTRI MUZIK IBAN DARIPADA TAHUN 2008 HINGGA 2015** was prepared by the above named student and was submitted to the "FACULTY" as a* partial/fulfillment for the conferment of **BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS (ARTS MANAGEMENT),** and the aforementioned to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: ______________ date: 9/6/2016

(ENCIK ALEXANDER ANAK CHELUM)

Alexander ak Chelum
Pensyarah
Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

| | |
|---|---|
| [ ] | **CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972* |
| [ ] | **RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organization where Research was done)* |
| [√] | **OPEN ACCESS** |

**Validation of Project/Thesis**

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of University Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copied for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalize the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student Signature: ____________ Supervisor Signature: ____________

(WINSTON ANAK DAMY) (EN. ALEXANDER ANAK CHELUM)

Alexander ak Chelum
Pensyarah
Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Current Address:
Rumah James, Paku Ulu Undop, 95000, Sri Aman, Sarawak.

Note* If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organization with the period and reason of confidentiality and restriction.

**PEMBANGUNAN INDUSTRI MUZIK IBAN DARIPADA TAHUN 2008 HINGGA 2015**

WINSTON ANAK DAMY

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2016

Projek bertajuk **“PEMBANGUNAN INDUSTRI MUZIK IBAN DARIPADA TAHUN 2008 HINGGA 2015”** telah disediakan oleh **WINSTON ANAK DAMY** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (Pengurusan Seni).

Diterima untuk diperiksa oleh:

________________________________

(EN. ALEXANDER ANAK CHELUM)

Tarikh:

________________________________

Projek bertajuk **“PEMBANGUNAN INDUSTRI MUZIK IBAN DARIPADA TAHUN 2008 HINGGA 2015”** telah disediakan oleh **WINSTON ANAK DAMY** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (Pengurusan Seni).

……..……………………...

(WINSTON ANAK DAMY)
No. Matrik : 44630

# PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, pengkaji ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia penyelidikan saya iaitu Encik Alexander Anak Chelum yang telah banyak membimbing dan memberi tunjuk ajar dalam membantu menyiapkan Projek Akhir Tahun (PTA).

Selain itu, penyelidik juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak informan iaitu Encik Isa Anak, Encik Brown Sang Lagan, Encik Romie Austin Chai, Encik Mohamad Rizal Bin Kassim dan Encik Snowdan Lawan di atas kerjasama yang telah diberikan dalam mendapatkan maklumat untuk mencapai objektif penyelidikan ini.

Di samping itu, setinggi-tinggi penghargaan yang tidak terhingga kepada keluarga saya yang banyak memberi sokongan dan dorongan untuk menyiapkan penyelidikan ini. Tanpa berkat dan doa mereka tidak mungkin saya berjaya menyiapkan penyelidikan ini dengan sempurna.

Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang disayangi banyak memberi sokongan serta nasihat kepada saya dalam menyiapkan penyelidikan ini. Akhir kata dari saya, terima kasih atas segalanya.

Sekian, terima kasih.

| | MUKA SURAT |
|---|---|
| Penghargaan | vi |
| Isi kandungan | vii – viii |
| Abstrak | ix |
| Abstract | x |
| Senarai peta | |
| Peta 1.0 | 7 |
| Senarai jadual | |
| Jadual 1.0 | 15 |
| Bab 1 | |
| 1.1 Pengenalan | 1 – 7 |
| 1.2 Definisi | 8 – 12 |
| 1.3 Permasalahan kajian | 13 |
| 1.4 Persoalan kajian | 14 |
| 1.5 Objektif kajian | 15 |
| 1.6 Skop kajian | 16 |
| 1.7 Kepentingan kajian | 16 -17 |
| 1.8 Limitasi kajian | 18 |
| 1.9 kesimpulan | 19 |
| Bab 2 Sorotan Kesusasteraan | |
| 2.1 Pengenalan | 20 |
| 2.2 Definisi | |
| 2.2.1 Pembangunan | 21 - 22 |
| 2.2.2 Definisi Iban | 22 – 23 |
| 2.2.3 Industri | 23 |
| 2.2.4 Kreatif | 24 |

| | |
|---|---|
| 2.2.5 Industri Kreatif | 25 – 26 |
| 2.2.6 Muzik | 26 – 29 |
| 2.2.7 Latar belakang industri Muzik di Malaysia | 30 – 32 |
| 2.2.8 Bahagian-bahagian industri Muzik di Malaysia | 33 |
| 2.3 Kesimpulan | 34 |
| Bab 3 Metodologi Kajian | |
| 3.1 Pengenalan | 35 |
| 3.2 Kawasan Kajian | 36 |
| 3.3 Kaedah Pengumpulan Data | 37 – 40 |
| 3.4 Sasaran Informan | 40 |
| 3..5 Instrumen Kajian | 41 |
| 3.6 Kesimpulan | 42 |
| Bab 4 Dapatan Kajian | |
| 4.1 Pengenalan | 43 – 44 |
| 4.2 Kualitatif | 44 |
| 4.3 Pembangunan Industri muzik Iban | 45 – 60 |
| 4.4 Kesimpulan | 61 |
| Bab 5 Perbincangan dan Kesimpulan | |
| 5.1 Pengenalan | 62 – 63 |
| 5.2 Perbincangan | 63 – 77 |
| 5.3 Cadangan | 78 – 86 |
| 5.4 Kesimpulan | 87 – 88 |
| Lampiran | 89 – 95 |
| Rujukan | 96 - 99 |

## ABSTRAK

Kajian ini adalah sebuah kajian berkenaan Pembangunan Industri Muzik Iban daripada Tahun 2008 hingga 2015. Kajian ini adalah untuk mengkaji pembangunan dan mengetahui strategi yang digunakan dalam membangunkan industri muzik Iban. Kajian ini dijalankan berdasarkan kepada kaedah kualitatif, iaitu menggunakan kaedah temu bual untuk dapatkan data prima bagi menjawab kesemua objektif kajian yang telah ditetapkan. Semua data hasil daripada temu bual akan ditranskripkan dan kemudian dipersembahkan ke dalam bentuk dihuraikan berdeskriptif bagi memudahkan gaya penyampaian untuk memudahkan pemahaman para pembaca. Pengkaji telah menemubual seramai 5 orang informan. Informan- informan tersebut terdiri daripada Encik Isa Anak Lee merupakan seorang guru, penulis artikel berkaitan industri muzik Iban, dan merupakan Timbalan Pengerusi Persatuan Penggiat Seni dan Kebudayaan Dayak Kuching, Encik Brown Sang Lagan merupakan seorang guru dan selaku pengerusi Persatuan Artis dan Pemuzik Dayak (DAMA), Encik Romie Austin Chai merupakan seorang Penggiat Seni, Encik Mohamad Rizal Bin Kassim merupakan Penggiat Seni Muzik Iban yang baru dalam industri muzik Iban dan selaku pemilik salah satu studio muzik di Sungai Merah, Sibu, Sarawak dan Encik Snowdan Lawan merupakan seorang ahli politik serta Penaung Persatuan Artis dan Pemuzik Dayak (DAMA).

*ABSTRACT*

*This study is a study of Iban music industry from 2008 to 2015. This study is to assess progress and identify strategies used in developing the Iban music industry. This study is based on qualitative methods, that using the interview method to get excellent data to answer all the objectives that have been set. All data results from the interviews will be transcribed and then presented in the form described in descriptive method to facilitate the delivery to facilitate the understanding of the reader. The researchers interviewed a total of 5 people intel informant- consisted of Mr. Isa Lee is a teacher, writer Iban music industry-related articles, and the Deputy Chairman of the Association of Artistes and Dayak Cultural Kuching, Mr. Brown Sang Lagan was a teacher and as chairman Dayak Artist and Musician Association (DAMA), Mr. Romie Austin Chai is a Artistes, Mr. Mohamad Rizal Bin Kassim is Artistes Music Iban new in Iban music industry and as the owner of a music studio in Sungai Merah, Sibu, Sarawak and Mr. Snowdan Lawan is a politician and patron of Dayak Artists and Musicians Association (DAMA).*

# BAB 1

# PENGENALAN

## 1.1 PENGENALAN

### 1.1.1 UMUM

Malaysia kini sedang menuju ke arah mencapai sasaran menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020. Pelbagai usaha dijalankan oleh kerajaan untuk memastikan Malaysia mampu mencapai status negara maju seiring dengan negara maju yang lain. Pelbagai penambahbaikan serta suntikan baharu yang dilakukan oleh Malaysia terhadap industri yang menyokong ekonomi negara. Salah satu industri yang diberikan perhatian oleh kerajaan Malaysia ialah industri kreatif. Industri kreatif telah menyumbang sebanyak Rm 9. 4 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2008 dan berpotensi menjana ekonomi berpendapatan tinggi serta memartabatkan budaya bangsa.

Menyedari kepentingan industri ini, kementerian telah mengadakan Persidangan Industri Kreatif pada 17 Mac 2009. Satu dasar industri kreatif perlu diwujudkan bagi menjelaskan hala tuju dan pembangunan industri kreatif negara kerana terdapat isu yang menyentuh tentang ketiadaan penyelarasan dan dasar yang jelas tentang industri kreatif ini. Dasar Industri

Kreatif Negara (DIKN) perlu digubal sebagai dasar induk untuk menetapkan prinsip-prinsip asas pembangunan industri kreatif.

Kerajaan telah menunjukkan sokongan padu terhadap pembangunan industri kreatif negara. Pada pembentangan bajet 2010 perdana menteri telah mengumumkan beberapa strategi dalam membangunkan industri kreatif di Malaysia iaitu dengan penggubalan Dasar Industri Kreatif Negara (DIKN), penyediaan dana sebanyak RM200 juta untuk semua bidang yang terlibat dalam industri kreatif serta memastikan kebajikan para penggiat seni kreatif terbela dengan penubuhan Tabung Kebajikan Penggiat Seni. Beberapa mesyuarat disusuli dengan siri bengkel telah diadakan bagi membincang pembentukan dasar ini. Beberapa dokumen telah dijadikan sumber rujukan bagi membentuk dasar ini, antaranya adalah:

(i) Dasar Perfileman Negara;

(ii) Dasar dan Strategi Pembangunan Industri Muzik Negara;

(iii) Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010;

(iv) Draf Dasar Strategi dan Program Pembangunan Kandungan Negara;

(v) Draf Dasar dan Strategi Pembangunan Industri Kreatif Seni Budaya dan Warisan (Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan); dan

(vi) Memorandum Daripada Persatuan Pengeluar-Pengeluar Filem Malaysia (PFM) mengenai Pembangunan Industri Perfileman dan Kandungan Negara.

(Dasar Industri Kreatif Negara, 2010)

### 1.1.2 Industri Kreatif

Industri Kreatif di Malaysia merangkumi tiga kategori utama iaitu Industri Kreatif Multimedia yang melibatkan penghasilan penerbitan filem dan televisyen, pengiklanan, seni reka, animasi dan kandungan digital. Selain itu, kategori lain yang berada dalam kerangka industri kreatif di Malaysia ialah Industri Kreatif Seni Budaya yang merangkumi bidang kraf, seni visual, seni muzik, seni persembahan, penulisan kreatif dan fesyen serta tekstil.

Di samping itu, kategori lain yang terlibat ialah Industri Kreatif Warisan Budaya yang merangkumi aktiviti muzium, arkib, pemulihan dan pemuliharaan serta industri sokongan lain yang berkaitan dengan pengedaran dan pemasaran.

( Dasar Industri Kreatif Negara, 2010)

### 1.1.3 Asal Usul Iban

Masyarakat Iban atau masyarakat Dayak Iban (dalam bahasa Iban, Iban bermaksud Orang / Manusia), adalah salah satu rumpun Dayak yang terdapat di Sarawak, Kalimantan Barat, Brunei dan Tawau Sabah. Mengikut sejarah lisan, pembentukan dan perkembangan budaya sosial Kaum Iban terjadi semasa di Tampun Juah, Sebelum berpecah kepada beberapa sub suku – sub suku yang ada sekarang.

Semasa zaman kolonial Inggeris di Sarawak dan Belanda di Kalimantan Barat, kelompok Dayak Iban sebelumnya dikenal sebagai Dayak Laut atau dalam bahasa Inggeris nya ialah Sea Dayak. Masyarakat Iban merupakan kumpulan etnik yang terbesar di Sarawak dan masyarakat keempat terbesar di Malaysia selepas masyarakat Melayu, Cina dan India.

Mereka mendiami daerah dan bahagian negeri Sarawak dari daerah Lundu di selatan Sarawak hingga ke Tawau Sabah (sebelah utara Sarawak), tetapi kepadatan penduduk Iban tertumpu di bahagian Samarahan, Sri Aman, Sarikei, Sibu, Kapit, Bintulu, Miri di Sarawak dan sepanjang Sungai Batang Kapuas di Kalimantan Barat. Sekarang, masyarakat Iban telah tersebar besar hingga ke Johor, Semenanjung Malaysia.

Amalan cara hidup yang diamalkan adalah berlandaskan hukum adat ,pantang-larang, tolak-ansur (toleransi), dan berteraskan perhubungan persaudaraan yang erat antara satu sama lain. Kebanyakan masyarakat Iban pada hari ini menerima agama Kristian sebagai pegangan, tetapi dalam masa yang sama masih mengekalkan nilai adat resam dan ciri-ciri kebudayaan yang menjadi lambang tradisi masyarakat Iban.

(Pestol, 2013 )

Menurut Deraman, A. A. (2000), dalam bukunya yang bertajuk Tamadun Melayu dan Pembinaan Masyarakat Malaysia, masyarakat Iban membentuk hampir satu pertiga daripada penduduk Sarawak .Kedudukan perkampungan Iban berhampiran dengan sungai memperlihatkan kebudayaan yang terikat pada penggunaan sungai dan tanah darat sebagai kegiatan pertanian.

### 1.1.4 Sarawak

Menurut Abdullah dan Husain (2000), Sarawak merupakan negeri yang terbesar di Malaysia. Sarawak meliputi kawasan seluas 124449 kilometer persegi. Sarawak terletak di bahagian barat laut Pulau Borneo.

Sarawak juga terkenal dengan pecahan kumpulan etnik yang tersendiri. Sebanyak 27 kumpulan etnik yang terdapat di Sarawak antaranya Iban, Bidayuh, Melanau, Kayan, Kenyah, Lun Bawang, Penan, Kelabit, Kedayan, Bisaya, Berawan, Punan, Kejaman, Baketan dan lain-lain. Negeri Sarawak juga mempunyai 31 kawasan parlimen, 71 Dewan Undangan Negeri dan 11 bahagian yang meliputi 28 daerah seperti bahagian Kuching, Samarahan, Serian, Sri Aman, Betong, Sarekei, Sibu, Mukah, Kapit, Bintulu, Miri, Lawas dan Limbang.

**Peta 1.0. Peta negeri Sarawak**




([https://www.google.com/search?q=peta+sarawak&client=firefox-a&rls=org.mozilla:en-US:official&source=lnms&tbm=isch&sa=X&ved=0ahUKEwiHp7LyudvMAhXDPI8KHSDnAYIQ_AUIBygB#imgrc=C-pQaSmrP3NMWM%3A](https://www.google.com/search?q=peta+sarawak&client=firefox-a&rls=org.mozilla:en-US:official&source=lnms&tbm=isch&sa=X&ved=0ahUKEwiHp7LyudvMAhXDPI8KHSDnAYIQ_AUIBygB#imgrc=C-pQaSmrP3NMWM%3A) )

## 1.2. Definisi

### 1.2.1 Industri

Menurut Padhi (2011), menyatakan bahawa industri bermaksud mana-mana perniagaan, perdagangan, perusahaan, pembuatan atau menelefon untuk termasuklah apa-apa, perkhidmatan, pekerjaan, kraf tangan atau pekerjaan perindustrian atau kesibukan pekerja seharian.

### 1.2.2 Kreatif

Wahyudin (2007), di dalam bukunya A to Z Anak Kreatif mendefinisikan kreatif sebagai sesuatu kemampuan menghasilkan sesuatu yang baharu dan original yang mewujudkan idea-idea dan alat-alat serta lebih spesifik lagi ialah proses untuk menemukan sesuatu yang baru (inventiveness).

### 1.2.3 Negara

Negara ditakrifkan oleh Gove. P. B (1961) di dalam buku Demokrasi dan Kepentingan Islam: Suatu Perbandingan, Redzuan. A (2001) sebagai sejumlah orang yang mendiami atau bermastautin dalam suatu wilayah tertentu dan diorganisasikan secara politik di bawah suatu pemerintahan yang berdaulat di mana bebas sepenuhnya daripada pengawasan luar serta mempunyai kuasa pemaksa demi mempertahankan generasi dan masyarakat.

### 1.2.4 Industri Kreatif

Industri kreatif dapat ditakrifkan sebagai:

> Industri kreatif ialah industri-industri yang melibatkan kreativiti individu, keterampilan, dan bakat yang mempunyai potensi menjana kekayaan serta penciptaan peluang pekerjaan melalui penggalakan dan eksploitasi harta intelek.
>
> (Dasar Industri Kreatif, 2010)

Definisi Industri kreatif dalam konteks Malaysia ialah penggemblengan dan penghasilan kebolehan dan bakat individu atau berkumpulan berasaskan kreativiti, inovasi dan teknologi yang menjurus

kepada sumber keberhasilan ekonomi dan pendapatan tinggi kepada negara dengan memberi penekanan kepada aspek karya dan hak cipta intelek selaras dengan budaya dan nilai-nilai murni kepelbagaian kaum di Malaysia.

( Dasar Industri Kreatif Negara, 2010)

Kesimpulannya, Industri Kreatif merupakan satu gabungan yang melibatkan kreativiti, bakat, sumber manusia dan pasaran. Industri Kreatif mampu membantu meningkatkan ekonomi negara. Semua bidang di dalam Industri Kreatif harus diberi hak cipta intelek untuk melindungi hasil karya di samping meletakkan nilai-nilai budaya dan warisan pada tahap yang lebih tinggi.

### 1.2.5 Muzik

Menurut O'Brien (2000), muzik terdiri daripada banyak unsur-unsur yang berbeza. Bagaimana ia kedengaran bergantung kepada yang mana satu ini digunakan dan bagaimana mereka digabungkan.

Menurut Abod. S. A (2005) dalam buku yang bertajuk Dasar dan strategi Pembangunan Industri Muzik Malaysia yang ditulis dan diterbitkan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian & Warisan Malaysia. (2005),

menyatakan bahawa muzik berperanan sebagai manifestasi identiti dan wadah pembinaan bangsa Malaysia. Muzik merentasi peradaban masa, kepelbagaian masyarakat dan sempadan dunia. Muzik juga berperanan sebagai penyumbang ke arah masyarakat yang kreatif, kehidupan yang seimbang dan berkualiti serta berperanan sebagai legasi dan warisan bangsa.

Menurut Cook (2008), muzik adalah satu perkataan yang sangat kecil untuk merangkumi sesuatu yang mengambil bentuk yang banyak kerana ada budaya atau subbudaya identiti.

Menurut Kamien (2008), muzik memainkan peranan yang penting dalam masyarakat manusia. Ia menyediakan hiburan dan melepaskan emosi, dan ia mengiringi aktiviti seperti tarian untuk upacara keagamaan

Menurut Yatim. R (2005) dalam buku yang bertajuk Dasar dan strategi Pembangunan Industri Muzik Malaysia yang ditulis dan diterbitkan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian & Warisan Malaysia (2005), menyatakan bahawa muzik merupakan elemen hiburan sosial yang meluas dan mampu mempengaruhi minda dan emosi masyarakat.

### 1.2.6 Pembangunan

Menurut Rogers (1969, 1971, 1983) dalam buku yang bertajuk Komunikasi Pembangunan : Pengenalan dan Penerapan menyatakan pembangunan adalah proses yang terjadi pada tahap atau tingkatan sistem sosial, sedangkan pemodenan merujuk kepada proses yang terjadi di peringkat perseorangan.

Menurut Adnan. M. H & Nasution. Z (1992), dalam buku yang bertajuk bertajuk Komunikasi Pembangunan : Pengenalan dan Penerapan menyatakan pembangunan adalah sesuatu yang bersangkut paut dengan perubahan, dan ia jauh lebih mendasar daripada apa yang disangka pada awalnya. Arus perubahan terbahagi kepada dua bahagian utama.

Bahagian yang pertama adalah merupakan akibat proses pembangunan itu sendiri, iaitu pengaruh sains dan teknologi, pola pertumbuhan yang tidak sama dan kemasukan budaya dan nilai asing ke dalam masyarakat tradisional. Manakala bahagian yang ke dua adalah perubahan yang terjadi dalam konteks nasional dan internasional sebagai wadah pembangunan.

## 1.3 Permasalahan Kajian.

Kajian ini dilakukan oleh penyelidik atas permasalahan yang wujud di dalam industri muzik Iban di Sarawak. Melalui kajian mini yang telah pengkaji lakukan antara permasalahan kajian ialah :

Menurut Paran. R (2010) dalam artikelnya dalam utusan online menyatakan muzik Iban kurang mendapat peluang untuk menembusi pasaran luar. Walaupun terdapat pembangunan dalam industri muzik Iban di Sarawak, namun masyarakat luar seperti di Semenanjung Malaysia kurang mengetahui tentang muzik Iban. Muzik Iban hanya dilihat gah di negeri Sarawak sahaja.

Isu kajian ini dalam kajian ini adalah berkenaan pembangunan industri muzik Iban dari tahun 2008 hingga 2015. Selain itu, isu yang terdapat dalam kajian ini adalah untuk menganalisis strategi yang digunakan oleh industri muzik Iban dalam mempromosi muzik Iban.